



Bank Pilihan Anda

PROGRAM PEMBIAYAAN KHAS BANK RAKYAT CARES TERMA DAN SYARAT

A. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Program pembiayaan khas ini bertujuan untuk membantu sektor Mikro, Perindustrian Kecil Sederhana (PKS) dan Koperasi yang terjejas oleh wabak Covid-19 dalam membantu mengurangkan masalah aliran tunai jangka pendek dan mengekalkan operasi perniagaan mereka.
2. Program pembiayaan khas ini terbuka kepada pelanggan dari sektor Mikro, Perindustrian Kecil Sederhana (PKS) dan Koperasi.
3. Definasi pelanggan yang layak adalah seperti berikut:

Saiz	Pendapatan Tahunan	Pendapatan Tahunan / Jumlah Pekerja
	Koperasi	Mikro & PKS
Mikro	Kurang daripada RM200,000	Kurang daripada RM300,000 atau Kurang daripada 5 orang pekerja
Kecil	RM200,000 hingga RM1,000,000	RM300,000 hingga RM3,000,000 atau 5 hingga 30 orang pekerja

4. Sektor-sektor yang layak untuk permohonan program ini adalah:
 - i. Pemborong / peruncitan
 - ii. Pertanian/ asas tani
 - iii. Pelancongan / kesihatan
 - iv. Pengangkutan
 - v. Perkhidmatan

B. KELAYAKAN

Koperasi

- Koperasi yang berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993
- Perniagaan yang telah beroperasi selama sekurang-kurangnya 2 tahun dan keuntungan sebelum cukai sekurang-kurangnya 1 dari 2 tahun.
- Tiada rekod buruk mengenai CTOS dan CCRIS (memuaskan) laporan mengenai koperasi dan pengarah (sebelum COVID-19 - sehingga Disember 2019).
- Koperasi yang mempunyai Dana Pemegang Saham yang positif.
- Sebarang bukti dokumentari lain yang diperlukan oleh Bank Rakyat.

Mikro dan PKS

- Syarikat yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau pihak berkuasa tempatan.
- Perniagaan yang telah beroperasi selama sekurang-kurangnya 2 tahun.
- Untuk PKS, keuntungan sebelum cukai sekurang-kurangnya 1 dari 2 tahun dan mempunyai Dana Pemegang Saham yang positif.
- Untuk Mikro, penyerahan penyata bank 6 bulan untuk penilaian selanjutnya.
- Tiada rekod buruk terhadap CTOS dan CCRIS (memuaskan) mengenai syarikat dan pengarah (sebelum COVID-19 - sehingga Disember 2019).
- Sebarang bukti dokumentari lain yang diperlukan oleh Bank Rakyat.

C. PEMBIAYAAN

1. Tempoh pembiayaan adalah sehingga 5 tahun 9 bulan.
2. Penyelesaian atau pembiayaan semula dengan institusi kewangan lain tidak dibenarkan di bawah program ini.
3. Jumlah pembiayaan adalah seperti berikut:

Jenis pelanggan	Jumlah pembiayaan	
	Mikro	Kecil
Koperasi	RM20,000 hingga RM50,000	RM20,000 hingga RM300,000
Mikro/ PKS	RM1,000 hingga RM50,000	Sehingga RM300,000

4. Tempoh pembayaran:

Koperasi dan PKS (kadar keuntungan, sehingga KAP + 0% setahun)

Tempoh	Bayaran
1 hingga 9 bulan	Ansuran 0% (<i>Zero instalment</i>)
10 bulan dan ke atas	Ansuran Normal (<i>Normal instalment</i>)

Mikro (kadar keuntungan, kadar tetap sehingga 9.5% setahun)

Tempoh	Bayaran
1 hingga 9 bulan	Ansuran 0% (<i>Zero instalment</i>)
10 bulan dan ke atas	Ansuran Normal (<i>Normal instalment</i>)

D. TEMPOH PROGRAM

1. Program pembiayaan khas Bank Rakyat Cares ini berlangsung dari 23 Mac 2020 sehingga 31 Desember 2020.
2. Pihak Bank berhak untuk menukar atau meminda tarikh dan tempoh program sekiranya perlu.

E. LAIN-LAIN

1. Dengan memohon program pembiayaan khas ini, pemohon/pelanggan dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat rasmi yang terkandung di sini, termasuk keputusan yang dibuat oleh Bank Rakyat yang dianggap muktamad, terikat dan menyeluruh.
2. Bank Rakyat atau pekerja dan wakilnya (termasuk mana-mana pihak yang dilantik oleh Bank Rakyat untuk memberi perkhidmatan tertentu berkaitan program ini) tidak akan bertanggungjawab, secara langsung atau tidak terhadap sebarang kehilangan, kerugian atau kemungkiran yang dialami oleh pelanggan, disebabkan oleh penyertaan mereka dalam program ini atau daripada sebarang tindakan di pihak Bank Rakyat.
3. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan, kehilangan, kekurangan, makluman atau apa-apa koresponden sama ada melalui e-mel, surat atau mana-mana medium komunikasi.
4. **PENAFIAN: TERTAKLUK KEPADA APA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, BANK RAKYAT TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PEMOHON/PELANGGAN UNTUK KEROSAKAN LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, KHAS, SAMPINGAN, GANTI RUGI TAULADAN ATAU AKIBAT KEROSAKAN (TERMASUK KEHILANGAN PENGGUNAAN, DATA, PERNIAGAAN ATAU KEUNTUNGAN) YANG TIMBUL DARIPADA ATAU BERKAITAN DENGAN PENYERTAAN PEMOHON/PELANGGAN DALAM PROGRAM INI, SAMA ADA LIABILITI TERSEBUT BERLAKU BERPUNCA DARIPADA APA-APA TUNTUTAN BERASASKAN KEPADA KONTRAK, JAMINAN, TORT (TERMASUK KECUAIAN), LIABILITI KETAT ATAU SEBALIKNYA, DAN SAMA ADA PELANGGAN TELAH DINASIHATKAN ATAU TIDAK KEMUNGKINAN KERUGIAN ATAU KEROSAKAN BOLEH BERLAKU.**
5. Bank Rakyat mempunyai hak dan budi bicara secara mutlak untuk meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat ini tanpa perlu memberi notis terlebih dahulu melalui mana-mana medium komunikasi dan apa-apa pindaan, pembatalan atau penambahan akan berkuatkuasa, dibaca dan ditafsirkan seolah-olah telah dimasukkan dan menjadi sebahagian daripada Terma dan Syarat ini.
6. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemungkinan yang disebabkan bencana alam, peperangan, rusuhan, perintah berkurung,



Bank Pilihan Anda

kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik, pandemik, kegagalan sistem atau sebarang situasi di luar kawalan Bank Rakyat.

7. Terma dan Syarat ini terikat dengan ditafsir mengikut undang-undang Malaysia.

Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Panggilan Bank Rakyat di talian **1300 80 5454**; atau kunjungi mana-mana cawangan Bank Rakyat; atau layari laman sesawang bank **www.bankrakyat.com.my**